

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	14 MARCH 2017

Akta kesalahan seksual akan dibenteng di Parlimen bukti komitmen kerajaan - PM

Komited lindungi kanak-kanak

Oleh SYUKRI SHAARI
dan FARHANA JONI
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 13 MAC

DATUK Seri Najib Tun Razak menegaskan, Rang Undang-Undang Kesalahan-Kesalahan Seksual Kanak-Kanak 2017 yang merupakan undang-undang baharu khusus bagi menangani jenayah seksual dalam kalangan kanak-kanak bakal dibentengkan dalam sidang Parlimen kali ini.

Pengumuman Perdana Menteri itu sekali gus mencerminkan komitmen kerajaan dalam memerangi jenayah seksual kanak-kanak bukan omong kosong sebaliknya, merupakan agenda serius negara.

Najib memberitahu, rang undang-undang bagi menangani jenayah seksual kanak-kanak secara berkesan, komprehensif dan holistik itu akan dibentengkan terlebih dahulu kepada Kabinet dalam masa terdekat sebelum dibawa ke sidang Parlimen untuk diluluskan.

"Saya ingin sarankan supaya Rang Undang-Undang Kesalahan-Kesalahan Seksual Kanak-Kanak 2017 ini dianggap sebagai tanggungjawab kita bersama tanpa mengira ideologi dan kefahaman politik kepertanian.

"Sepatutnya undang-undang ini tidak boleh ditentang oleh mana-mana parti politik sama sekali," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Seminar Jenayah Seksual Kanak-Kanak: Hentikan!!! di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Yang turut hadir, isteri Perdana Menteri yang juga penaung seminar, Datin Seri Rosmah Mansor; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga



NAJIB TUN RAZAK memalu gong sebagai tanda merasmikan Seminar Jenayah Seksual Kanak-Kanak di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, semalam. Turut bersama, Rosmah Mansor, Rohani Abdul Karim dan Azalina Othman Said, serta Salleh Said Keruak. - UTUSAN/AMIR HAFIZ ABD. RAHMAN

dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said serta Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak.

Bekas Presiden Indonesia, Megawati Soekarnoputri turut menyertai seminar dua hari tersebut yang bermula hari ini dan dijangka menyampaikan amanat beliau esok.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri memberitahu, kerajaan juga bercadang mewujudkan Mahkamah Jenayah Khas bagi mengendalikan

prosiding jenayah seksual kanak-kanak yang telah menjadi mangsa.

"Ini supaya keadilan dalam kes membabitkan jenayah seksual kanak-kanak dapat dilaksanakan dengan sewajarnya. Inilah kehendak kerajaan untuk kita membantaheris jenayah yang amat teruk itu," jelas beliau.

Dalam pada itu, Najib menegaskan kerajaan sama sekali tidak akan bertolak ansur dengan sebarang perbuatan mengeksploitasi dan mendera kanak-kanak secara seksual, sekali gus berusaha

menghentikan jenayah kejam itu.

Perdana Menteri berkata, berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat sejak tahun 2010 hingga 2015, sebanyak 5,779 kes direkodkan membabitkan penderaan seksual terhadap kanak-kanak dengan purata 963 kes setahun.

"Manakala, berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula, bagi tempoh 2015 dan 2016 sahaja, terdapat 2,759 kes rogol, 412 kes sumbang mahram, 1,423 kes cabul kehormatan dan 422 kes luar tabii melibatkan mangsa di bawah umur 18 tahun dilaporkan.

Jenayah seksual terhadap kanak-kanak

Kesan jenayah seksual terhadap kanak-kanak

Kesan jangka pendek

- Kecederaan psikologi dan gangguan kepada perkembangan emosi
- Kemurungan klinikal
- Kurang selera makan
- Gangguan tidur
- Kecacatan tekanan pasca trauma
- Ketakutan
- Kesan fizikal seperti kecederaan kepada kemaluan, penyakit kelamin atau mengandung

Kesan jangka panjang

- Tingkah laku antisosial kerana diganggu oleh pengalaman ngeri silam
- Mengekspresi kemarahan dalam bentuk keinginan membalas dendam
- Traumatik seksualisme
- Ketagihan seksual
- Masalah pembelajaran serta komunikasi

Langkah mengelak jenayah seksual kanak-kanak

- 1 Bina kepercayaan dengan anak-anak
- 2 Ajar anak-anak tubuh badan mereka adalah 'milik mereka' dan tidak boleh sesuka hati disentuh oleh orang lain
- 3 Didik anak-anak dengan menggunakan teknik 'YRT' iaitu jerit, lari dan cerita sekiranya berlaku sentuhan yang membuatkan mereka menjadi tidak selesa.